

23/08/2001

Kad daripada pelajar untuk PM

SAMBUTAN Hari Kemerdekaan ke-44, 31 Ogos ini, mencatat sejarah tersendiri bagi warga SMK Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (SMKSSAAS), Seksyen 2, Shah Alam, Selangor, yang akan menyerahkan kad ucapan terbesar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kad yang tertera dengan ungkapan 'Selamat Hari Merdeka 2001' ditujukan khas kepada Perdana Menteri itu berukuran 9 meter x 3 meter.

Ia dihasil oleh pelajar Tingkatan Tiga Dedikasi dengan dibimbing oleh Cik Hartati Jumiran, guru pelatih dari Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Pelajar terbabit mencantumkan 70 keping kertas tebal masing-masing berukuran 0.6 meter x 0.6 meter untuk menjadikan sekeping kad gergasi yang diwarnai dengan warna merah, kuning, hijau dan biru menggunakan cat air, pewarna mural dan kolaj pasir.

Kad yang disiapkan dalam masa dua minggu itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, di pejabat beliau di Putrajaya, Sabtu ini.

Pengetua SMKSSAAS, Puan Normah Mohamad, berkata kad ucapan berkenaan dihasilkan sebagai tanda penghargaan warga sekolah itu kepada kerajaan khususnya Perdana Menteri yang berjaya menjadikan Malaysia sebagai negara yang aman dan maju.

"Di samping itu, usaha itu juga menjadi simbolik sebagai tanda kecintaan warga sekolah ini kepada negara dan perasaan bangga mereka menjadi rakyat Malaysia," katanya kepada SKOR.

Kad ucapan gergasi itu dilancarkan sempena Minggu Patriotik turut mengadakan pelbagai aktiviti seperti pengkisahan sejarah kemerdekaan, deklamasi sajak, pertandingan nyanyian dan permainan tradisional.

Sementara itu, Fara Natasha Abd Rahim, 16, berkata generasi muda patut berterima kasih kepada pemimpin terdahulu khususnya pejuang kemerdekaan kerana berjaya membebaskan negara daripada belenggu penjajah.

Katanya, hasil perjuangan mereka, rakyat negara ini hidup bebas dalam suasana aman dan damai serta penuh harmoni.

"Saya bangga menjadi anak Malaysia dan bagi membuktikan kesetiaan dan semangat sayangkan negara, remaja patut berusaha bersungguh-sungguh dalam pelajaran supaya rakyat negara ini setanding dengan bangsa lain di dunia," katanya.

(END)